

Pembantu Ezam dedah hubungan sulit

BH 30 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Zul Azhar Cha, bekas pembantu peribadi Mohd Ezam Mohd Noor mendedahkan Ketua Pemuda Keadilan itu ada menjalin hubungan sulit dengan seseorang.

Pada satu sidang akhbar di sini, Zul Azhar, yang ditemani peguamnya, Mahathir Abdullah berharap Mohd Ezam sedar akan kesilapannya dan meletak jawatan Ketua Pemuda Keadilan dengan penuh rasa tanggungjawab.

Zul Azhar adalah rakan karib Mohd Ezam, sejak 1985 ketika mereka belajar bersama di Kolej

Pengajian Persediaan Matrikulasi, Institut Teknologi Mara.

Katanya, selepas setahun bersama Mohd Ezam, beliau dapati dirinya dan semua ahli Keadilan diperdaya kerana sikap Mohd Ezam.

Zul mencabar Mohd Ezam dan Exco Kanan Pemuda Keadilan, yang sememangnya mengetahui isu itu, supaya meletak jawatan dan meninggalkan perjuangan yang terpesong dari landasan kebenaran.

Zul Azhar yang meninggalkan parti itu dua bulan lalu, berkata

ramai anggota Keadilan yang banyak berkorban rasa tertipu dengan parti itu.

Sementara itu, Mohd Ezam ketika dihubungi berkata beliau tidak terkejut dengan kenyataan Zul Azhar kerana khabar angin mengenai hubungan sulitnya itu sudah lama disebarkan.

“Apa yang berlaku hari ini bukanlah satu yang mengejutkan kerana sebelum ini beliau sudah berkali-kali cuba mengugut saya.

“Pada saya, kisah hubungan sulit saya itu memang sengaja diada-adakan,” katanya.